

**Ucapan**  
**PROFESOR DATUK TS. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN**  
**Naib Canselor**  
**Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**

**Sempena Majlis Perasmian Program**  
**'eUsahawan International Conference 2024: Shaping Tomorrow's Success'**  
**Dengan Kerjasama**  
**Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)**  
**Dan**  
**Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**  
**17 Oktober 2024 (Khamis), 9.00 pagi**

Marilah kita sama-sama mengucapkan kesyukuran ke hadrat illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya maka dapat kita semua bertemu pada pagi ini dalam detik bersejarah di program yang dinamakan **'eUsahawan International Conference 2024: Shaping Tomorrow's Success'** yang merupakan program Kerjasama Malaysia Digital Economy Development (MDEC) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Selawat dan salam kepada junjungan Nabi Muhammad SAW, Nabi kita yang menjadi rahmat kepada seluruh alam.

**1. TUJUAN MAJLIS**

Pertama, izinkan saya mewakili seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) untuk merakamkan ucapan penghargaan terima kasih kepada **Malaysia Digital Economy Development (MDEC)** kerana sudi bekerjasama dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan berbesar hati menjana program ini dalam bentuk *'in-kind'* **sebanyak RM40,000.00** kepada warga UTeM bagi penganjuran program ini.

Dimaklumkan UTeM merupakan satu-satunya Universiti Teknikal yang terpilih dalam kalangan Malaysian Technical University Network (MTUN) dan mendapat tajaan MDEC untuk program ini. Saya dimaklumkan juga

penganjuran program ini di seluruh Malaysia bagi tahun ini (2024) hanya melibatkan UTeM dan Universiti Utara Malaysia (UUM) sahaja. Alhamdulillah tajaan ini merupakan tajaan tertinggi dan bersempena dengan **Pra-Pelancaran** Minggu Kebajikan UTeMKu Sayang: Menjuarai Khidmat Insani. InsyaAllah esok pada 18 Oktober 2024 akan diadakan pelancaran rasmi **Minggu Kebajikan UTeMKu Sayang: Menjuarai Khidmat Insani**.

Kuntuman Mawar Menyegari Pagi,  
Tumbuh Segar Di Tepi Telaga,  
Integrasi Pintar Membina Sinergi,  
UTeM dan MDEC Berganding Tenaga.

Di Tepi Sungai Mengail Ikan,  
Di Bawah Pohon Menunggu Lama,  
Setinggi Terima Kasih Kami Ucapkan,  
Moga UTeM dan MDEC Terus Bekerjasama.

## 2. **Binus University, Indonesia**

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

Saya juga dimaklumkan terdapat penyertaan antarabangsa daripada rakan strategik UTeM iaitu dari Bina Nusantara (Binus) University, Bandung, Indonesia yang turut hadir sebagai peserta dan juga salah seorang panel forum. Dr Mulyani Karmagatri yang juga 'Research Interest Group Leader of SMEs, Entrepreneurship and Innovation' akan turut berkongsi pengalaman keusahawanan digital dari perspektif di Indonesia. Ini secara tidak langsung menjadikan program kita pada hari ini sebagai program peringkat antarabangsa. Saya menyambut baik kerjasama seperti ini kerana saya dimaklumkan MoU bersama Binus University, Indonesia bagi sahaja termeterai **pada 21 Mac 2024 yang lalu**.

Tahniah! diucapkan kepada Pusat Pembangunan Perusahaan dan Teknousahawanan (CREATE), Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA)

atas penganjuran program peringkat antarabangsa dan juga kerjasama yang sangat baik bersama MDEC ini di bawah Kementerian Digital Malaysia.

Tidak lupa diucapkan Selamat Datang ke UTeM dan Melaka Bandaraya Bersejarah buat 3 orang tetamu iaitu **Dr. Mulyani, Dr. Mala dan Bu Dian dari Binus University, Bandung, Indonesia.**

Diharapkan penanjuran program sepertimana ini dapat diperluaskan dan teruskan lagi pada masa akan datang dalam melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan pelajar dan juga graduan UTeM.

### **3. KOMUNITI LUAR UTeM**

Saya juga dimaklumkan yang program ini turut disertai oleh pihak dan komuniti luar. Diharapkan penganjuran program ini dapat mencapai objektif yang disasarkan iaitu sebagai platform dalam mengumpulkan pelbagai perspektif dan pandangan mengenai trend serta permintaan terkini dalam digital kreatif, pemasaran media sosial, dan platform eCommerce. Ini boleh dicapai melalui pertukaran pandangan dan pengetahuan diantara ahli akademik, pakar industri, dan wakil platform eCommerce, dengan tujuan untuk meningkatkan lagi kemahiran para peserta yang terlibat dengan program ini.

Di Susun Cantik Batang Jerami,  
Makin Dipandang Semakin Indah,  
Sudilah MDEC Menaja Lagi Kami,  
Pastinya Ia Menjadi Kenangan Terindah.

### **4. KESIMPULAN**

Akhir kata, saya berharap kerjasama di antara UTeM dan MDEC ini akan terus terjalin erat dan kami di UTeM bersedia untuk penganjuran program-program bersama pada masa akan datang. Setinggi-tinggi penghargaan terima MDEC atas kesudian memilih UTeM sebagai satu-satunya Universiti Teknikal

yang bekerjasama dengan MDEC dan menerima nilai tajaan 'in kind' bernilai RM40,000.00.

Pohon Sirih Pohon Selasih,  
Tumbuh Merimbun Di Hujung Laman,  
Kalungan Budi Junjungan Kasih,  
Menjadi Kenangan Sepanjang Zaman.

**Sekian. Terima kasih.**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah.**

**Wassalamualaikum warahmatullah hi barakatuh.**

